

**Reminiscences of Tunku Abdul Rahman
on the Japanese Occupation
1941 - 1945**

(Siri Sejarah Lisan Pendudukan Jepun, no. 1)

Interviewee: Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Al-Haj
Interviewers: Y.Bhg. Datuk Profesor Sharom Ahmat
Profesor Madya Dr. Cheah Boon Kheng
Date & Time: 9 September 1983; 11.00 a.m.
Place: Tunku's House - Jalan Tunku Abdul Rahman
Pulau Pinang

Jawatankuasa Sejarah Lisan
dan Perpustakaan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang
1989

© Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, 1989

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Mengkatalog-dalam-Penerbitan

Abdul Rahman Putra al Haj, Tunku, 1902-
Reminiscences of Tunku Abdul Rahman
on the Japanese occupation, 1941-1945 /
interviewers, Datuk Profesor Sharom
Ahmat, Cheah Boon Kheng.

(Siri sejarah lisan pendudukan Jepun ; no.1)

ISBN 983-861-006-2

1. Malaya - History - Japanese occupation,
1942-1945. 2. Malaysia - History. I. Sharom
Ahmat, Datuk. II. Cheah, Boon Kheng.

III. Title. IV. Series.

959.503 DS596.4

Dicetak oleh Unit Percetakan Pusat, Universiti Sains Malaysia

M 912939

M
959.503
ARP
22 DEC 1997
Perpustakaan Negara
Malaysia

Jawatankuasa Sejarah Lisan telah ditubuhkan pada bulan April 1982 dan dianggotai oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan), Profesor Sharom Ahmat sebagai Pengerusi serta ahli-ahlinya yang terdiri daripada wakil dari Bahagian Sejarah (Pusat Pengajian Ilmu Kemahiran), Perpustakaan dan Pusat Teknologi Pendidikan dan Media. Mereka ialah Encik Abdul Rahman Ismail (digantikan oleh Dr. Abu Talib Ahmad), Dr. Cheah Boon Kheng, Encik Mohd. Lazim Hamid (kemudiannya digantikan oleh Encik Merza Abas). Dr. Paul Kratoska, Dr. Yuen Choy Leng, Dr. J.S. Sidhu dan Cik Tang Wan Fong (digantikan oleh Puan Sakinah Che Embi). Profesor Sharom kini telah dipinjamkan ke Universiti Brunei Darussalam dan telah digantikan oleh Dr. Abu Talib Ahmad sebagai Pengerusi sementara Dr. Yuen, Dr. Kratoska dan Dr. Sidhu telah menamatkan perkhidmatan mereka dengan Universiti Sains Malaysia.

Tujuan utama Jawatankuasa ini ialah untuk mengumpulkan maklumat tentang zaman Pendudukan Jepun di Perak Utara, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Aspek-aspek yang dijadikan tumpuan termasuklah kemasukan tentera Jepun ke Tanah Melayu, hal-hal ekonomi, dasar-dasar sosial dan ketenteraan, pentadbiran, pergerakan penentangan, serta peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekitar tahun 1944-45 dan kedatangan semula askar-askar British.

Sejarah Lisan kini dianggap sebagai satu sumber penting yang dapat memperlengkapkan gambaran berkenaan peristiwa-peristiwa sejarah tanah air. Pengumpulan sejarah lisan dilakukan dengan cara menemubual orang-orang tertentu untuk mendapatkan ingatan-ingatan mereka tentang peristiwa-peristiwa yang telah mereka alami sendiri. Temubual ini merangkumi berbagai-bagai lapisan masyarakat agar satu perspektif baru tentang peristiwa-peristiwa sejarah dapat dihasilkan.

Setakat ini pihak Jawatankuasa telahpun berjaya mendapatkan lebih daripada 25 temubual dan adalah menjadi harapan Jawatankuasa agar kesemua maklumat ini akan dapat disebarkan tanpa penyuntingan yang besar kepada para pembaca yang lebih luas. Amatlah wajar sekali sekiranya penerbitan temubual-temubual ini dimulakan oleh bekas Perdana Menteri, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman al-Haj. Ini akan disusuli oleh individu-individu lain yang merangkumi berbagai-bagai kaum. Harapan Jawatankuasa ialah dengan penerbitan maklumat-maklumat ini masyarakat akan lebih sedar tentang masa lampau mereka dan seterusnya dapat merangsangkan minat dan penyelidikan dalam sejarah tempatan.

Akhirnya, saya ingin merakamkan rasa terima kasih kepada Universiti Sains Malaysia dan Muzium Negara bagi pembiayaannya, Perpustakaan USM, Pusat Teknologi Pendidikan dan Media, ahli-ahli Jawatankuasa Sejarah Lisan dan tidak lupa kepada Cik Yvonne R. Rasen dari Perpustakaan.

- Dr. Abu. Talib Ahmad -

Sinopsis

Temubual ini merupakan pandangan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj berkenaan beberapa perkara penting yang berlaku semasa pendudukan Jepun (termasuk juga pendudukan Siam) di Kedah. Ketika itu Tunku bertugas sebagai Pegawai Daerah dan kemudiannya sebagai Penyelia Sekolah-Sekolah Negeri Kedah.

Di antara peristiwa-peristiwa menarik yang telah disentuh termasuklah "penculikan" Sultan Abdul Hamid ke Kulim, kekejaman Jepun terhadap rakyat tempatan dan usaha Tunku untuk menghalang kemasukan pasukan Bintang Tiga ke Alor Setar selepas Jepun menyerah kalah. Tunku juga telah menceritakan keadaan sekolah-sekolah di kampung yang mempunyai kelengkapan yang serba kekurangan.